Memorial Tunku Abdul Rahman Putra

ARKIB NEGARA MALAYSIA
MEMORIAL TUN ABDUL RAZAK

Memorial Tunku Abdul Rahman Putra

Perutusan Perdana Menteri

Prime Minister's Message

Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj adalah negarawan ulung yang disegani dan dicintai oleh semua rakyat di negara ini. Sumbangan Almarhum Tunku sebagai perintis dan pelopor kemerdekaan negara merupakan sumbangan yang tidak ternilai harganya dalam sejarah negara kita. Nama dan sumbangan Almarhum Tunku akan tertulis dengan tinta emas dalam sejarah negara.

Sebagai tanda penghargaan dan ingatan negara terhadap jasa-jasa Almarhum, Kerajaan mengambil langkah menubuhkan Memorial Tunku Abdul Rahman Putra di Bangunan Residensi di Jabatan Perdana Menteri. Bangunan ini amat bersejarah bagi Almarhum Tunku kerana merupakan tempat kediaman rasmi Tunku Abdul Rahman sebagai Perdana Menteri Malaysia yang pertama sehinggalah beliau bersara.

Sumbangan besar oleh Almarhum Tunku tidak dapat dilupakan daripada kenangan kita. Tiada siapa dapat menafikan sumbangan Almarhum Tunku kepada Negara yang dicintai adalah amat besar sekali. Memorial ini adalah tanda kenangan rakyat kepada jasa dan sumbangan seorang negarawan ulung negara.

Langkah Jawatankuasa Memorial Kebangsaan untuk menjalankan usaha memungut derma daripada orang ramai untuk menjayakan penubuhan Memorial Tunku Abdul Rahman Putra ini adalah merupakan satu usaha yang harus mendapat sokongan daripada semua pihak. Rakyat Malaysia dari segala lapisan masyarakat seharusnya membuat sumbangan kepada usaha yang patut diberi sokongan ini sebagai tanda penghargaan kita kepada jasa-jasa Almarhum Tunku kepada negara. Saya berdoa usaha murni ini akan mencapai kejayaan sepenuhnya ■

Selamat maju jaya.

Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad
Perdana Menteri Malaysia

The late Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj was a statesman much respected and loved by all the people of Malaysia. His priceless contributions to the history of the nation was his role as the initiator and champion of Malaysian independence. The late Tunku's name and contributions will always be remembered in the annals of the nation's history.

In recognition of his contributions, the Government took the initiative to establish a Memorial entitled the Tunku Abdul Rahman Putra Memorial which will be housed in the Residency building. This historical building served as the official residence of Tunku, the first Prime Minister of Malaysia until he retired.

No Malaysian can forget the late Tunku's contributions to the nation nor can anyone deny that the Tunku's contributions was indeed remarkable. The Memorial epitomises the people's recognition of the sacrifices and contributions of this premier statesman.

The step taken by the Committee on National Memorial to collect contributions from the public, is an effort which should garner all the support from the public. Malaysians from all walks of life should contribute towards this worthy cause as an expression of our appreciation for the late Tunku's contributions to the nation. I truly hope that this worthwhile effort will meet with every success ■

Thank you.

Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad
Prime Minister

Kerajaan telah memutuskan untuk mendirikan Memorial Tunku Abdul Rahman Putra bagi memperingati jasa Almarhum Tunku kepada Negara. Bangunan Residensi tempat kediaman rasmi Almarhum Tunku semasa menjadi Perdana Menteri Malaysia akan dijadikan Memorial Tunku Abdul Rahman Putra.

Sebuah Jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Memorial Kebangsaan telah ditubuhkan untuk merancang dan melaksanakan penubuhan Memorial ini. Penglibatan bersama Kerajaan dan orang ramai adalah menjadi asas dan pendekatan yang digunakan untuk penubuhan Memorial ini. Satu Akaun Amanah telah ditubuhkan untuk mendapat sumbangan derma daripada orang ramai bagi menambah sumber kewangan untuk melaksanakan projek ini.

Saya sukacita mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada penderma-penderma yang bermurah hati memberi sumbangan ke arah penubuhan Memorial Tunku Abdul Rahman Putra ini ■

Terima kasih.

Tan Sri Dato' Seri Ahmad Sarji bin Abdul Hamid
Ketua Setiausaha Negara
dan
Pengerusi
Jawatankuasa Memorial Kebangsaan

Perutusan Ketua Setiausaha Negara

Message from the Chief Secretary to the Government

The Government has decided to establish the Tunku Abdul Rahman Putra Memorial in commemoration of the Tunku's invaluable services to the nation. The Residency which was the official residence of the Tunku while he was the Prime Minister, will be converted into a Memorial in his honour.

A Committee on National Memorial has been established to plan and implement the setting up of the Memorial. The establishment of the Memorial will be a cooperative effort between the Government and the public.

A Trust Fund has been set up and members of the public are invited to contribute generously to the fund. It is hoped that the contributions from the public will add significantly to the existing allocation provided for this project.

I would like to take this opportunity to record my grateful thanks to all who have generously contributed towards the establishment of the Tunku Abdul Rahman Putra Memorial ■

Thank you.

Tan Sri Dato' Seri Ahmad Sarji bin Abdul Hamid
Chief Secretary to the Government
and
Chairman
Committee on National Memorial

Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj

Dalam Kenangan

In Memory

Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj (1903-1990) sewajarnya menduduki tempat istimewa dalam sejarah Malaysia, rantau Asia Tenggara, malah dunia.

Beliau serentak Bapa Malaysia dan salah seorang puteranya yang teragung. Sifat jujur dan terbukanya menyebabkan beliau dipercayai oleh semua kaum, hingga dapat memimpin negara mencapai kemerdekaan tanpa penumpahan darah.

Dengan keboleban menyatukan hati dan jiwa manusia ini jugalah beliau dapat memperkukuh hubungan antara negara-negara serantau dan mengasaskan Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN).

Dalam dunia Islam, beliau telah menyebarkan semangat persaudaraan sesama manusia, di tanahair sendiri dan di luar negara. Di jiwa beliau tergabung keyakinan mendalam kepada agama sendiri dan sikap hormat terhadap pegangan orang lain.

Beliau terus-terang mengakui kelemahan-kelemahan insaninya, serta mudah memaafkan kesilapan orang. Namun, tentang hak dan nilai asasi, beliau bersikap tegas dan berjuang gigih.

Suara beliaulah antara yang terawal menentang Aparteid. Negara-negara Dunia Ketiga pula akan mengingati beliau kerana menyarankan sistem dunia yang lebih adil. Dan para pencinta demokrasi di semua negara akan tetap menyanjung beliau kerana menegakkan ideal-ideal demokrasi sepanjang hayat.

Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj (1903-1990) merits a special place in the history of Malaysia, the South-East Asian region, and beyond.

Father of independent Malaysia, he was at the same time one of her greatest sons. His honesty and openness won him the trust of all communities and enabled him to lead his country to independence without bloodshed.

The same gift for uniting minds and hearts helped him strengthen ties among neighbouring nations and lay the foundation for the Association of South-East Asian Nations (ASEAN).

In the Islamic world he made his mark as a Muslim who propagated the spirit of brotherhood among men, at home and abroad. He was a man who combined deep religious faith with respect for freedom of worship.

He was candid about his own human weaknesses and readily forgave the mistakes of others. Yet where fundamental rights and values are concerned, he stood firm and was a formidable fighter.

Thus his was one of the earliest voices raised against Apartheid. Nations of the Third World will remember him for advocating a fairer global order. And lovers of democracy in all lands will continue to honour him for his lifelong commitment to its ideals.

Affectionately known as Tunku, he was loved not only for his fine traits of character but also his little idiosyncrasies. His startling candid statements might make waves, but never caused harm. His humour was

‘Almarhum Tunku dilahirkan seorang putera raja, namun watak dan keperibadiannya berkembang sebagai pemimpin rakyat. Almarhum membebaskan kita daripada belenggu penjajahan dan memberikan kita maruah sebagai warga sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Sumbangan Almarhum Tunku sebagai perintis dan pelopor kemerdekaan negara ini merupakan sumbangan yang tidak ternilai harganya dalam sejarah negara kita’

Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad
(Perdana Menteri Malaysia)



Atas/Top:
Tunku bersama Tavil Guptarak kawan rapatnya di Debsurin, Bangkok, 1914
Tunku with his close friend Tavil Guptarak in Debsurin Bangkok, 1914

Bawah/Bottom:
Tunku bersama rakan-rakan di England
Tunku with his friends in England

‘Although he was a prince by birth, the late Tunku had a largeness of character and personality. A quality that made him a natural leader of the people. The Tunku freed us from the fetters of colonial rule and gave us our pride of a place as a wholly independent and sovereign nation. The Tunku's contributions as a pioneer and leader in our struggle for independence has an inestimable place in the nation's history’

Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad
(Prime Minister of Malaysia)

Beliau yang lebih dikenali dengan panggilan mesra "Tunku" disayangi bukan sahaja kerana sifat-sifat beliau yang terpuji tetapi juga keanehan-keanehan kecil beliau. Sifat terus-terang beliau sering memeranjatkan dan adakalanya menggemparkan, tetapi tidak pernah memudaratkan. Jenaka beliau spontan dan lunak, bercorak Kedah, sama seperti loghat sebutan beliau yang menawan.

Tunku sering disebut putera raja berjiwa rakyat. Memang tepat sekali ungkapan ini bagi beliau, kerana sungguhpun beliau dilahirkan di istana, beliau mudah mesra dengan rakyat biasa. Perawakan beliau yang santun dan ramah meninggalkan kesan mendalam, di khalayak ramai mahupun dalam hubungan peribadi, di kalangan pemimpin dunia mahupun rakyat jelata.

Istana tempat Tunku dilahirkan, di Alor Setar, Kedah, pada 8 Februari 1903, dikenali sebagai Istana Tiga Tingkat. Beliau anak kedua puluh kepada Sultan Abdul Hamid Halimshah, Sultan Kedah yang kedua puluh empat. Bonda Tunku, Nearng, lebih terkenal sebagai Che Menjalara anak kepada Luang Nara Borirak, keturunan Chao Phya Maha Kota, Ketua Mataban, di negara Thai.

Ketika masih kecil lagi pun Tunku mencintai kebebasan dan ingin bergaul dengan budak-budak kampung di luar tembok istana. Kerapkali beliau dapat menyelinap keluar, riang gembira bermain bersama kanak-kanak desa sebayanya.

Ayahanda Tunku memanggilnya Putra tetapi bondanya menggelarnya Awang, kerana kulitnya yang hitam manis semakin gelap akibat bermain di tengah panas terik. Di Kedah,

spontaneous and gentle, as characteristic of his home-state Kedah as was his endearing accent.

Tunku was often called "The Prince" with a common touch. In his case the phrase was totally apt, for although he was born in a palace, he had a natural rapport with the "rakyat". There was an easy dignity and a warm sparkle about him, which made him equally affective in public and in private, with the great leaders of the world and with the simple folk.

The palace in which Tunku was born, in Alor Setar, Kedah, on the 8th of February 1903, was the "Istana Tiga Tingkat" (Three-Storey Palace). He was the twentieth child of Sultan Abdul Hamid Halimshah, the twenty fourth Sultan of Kedah. Tunku's mother, Nearng, better known as Che Menjalara, was the daughter of Luang Nara Borirak, a descendent of Chao Phya Maha Kota, head of Mataban, Thailand.

Even as a child, Tunku loved freedom and longed to mix with the kampung children outside the palace walls. He managed to slip out frequently and join the healthy frolic of village boys.

Tunku's father called him Putra but his mother nicknamed him Awang because his dark complexion was tanned a deeper brown from playing in the sun. The nickname, often given in Kedah to boys with tanned skin, suited Tunku, for he loved the robust life of a rural youngster.

When he went to "school" at the age of four, at first he was given the trappings of royalty but after a while these were shed and he enjoyed being an ordinary schoolboy. At six he entered school proper, a Malay school in Alor Setar, then an English-medium one called Government English School.

‘Kepada saya sendiri, selain daripada menjadi ketua agung kita, Tunku ialah seorang sahabat saya yang paling karib sekali dan saya memandang Tunku sebagai seorang bapa dan kepadanya saya menumpukan kasih saya, kemesraan dan taat setia yang penuh. Ia adalah menjadi sumber dan ilham untuk panduan menjalankan tugas dan tanggungjawab.

Dalam menjalankan pimpinan negara, Tunku setiap masa dapat mengatasi masalah-masalah kerana ia sentiasa mensifatkan masalah-masalah kebangsaan itu sebagai masalah hidup dan masalah manusia dan sentiasa mencari penyelesaian dengan cara praktikal. Dengan sebab itulah Tunku sentiasa dapat memecah masalah-masalah dan kesusahan-kesusahan masyarakat dengan senang dan adil serta memuaskan hati kepada semua pihak’

Tun Abdul Razak bin Hussein

Atas/Top:
Tunku (duduk keempat dari kiri) bersama pasukan bolasepak semasa pemerintahan Jepun
Tunku (seated fourth from left) with soccer team during the Japanese occupation.

Bawah/Bottom:
Penginapan Tunku di Cambridge
Tunku's lodging at Cambridge

nama timang-timangan ini sering diberi kepada kanak-kanak yang hitam kerana suka berjemur. Bagi Tunku nama itu cukup sesuai; hidup lasak sebagai budak kampung memang serasi dengannya.

Apabila Tunku masuk "sekolah" ketika berusia empat tahun, pada mulanya beliau dilengkapi dengan peralatan anak-anak raja, tetapi tidak lama kemudian beliau bebas daripadanya dan dapat menikmati hidup sebagai murid biasa. Setelah berusia enam tahun beliau masuk sekolah "betul", mula-mulanya sekolah Melayu di Alor Setar, kemudian sekolah Inggeris bernama Government English School.

Putera kecil itu terang hati tetapi lebih suka bermain dan bergembira daripada belajar. Pada tahun 1913, ketika Tunku berusia sepuluh tahun, bondanya menghantarnya ke Bangkok untuk tinggal bersama-sama kakanda sulungnya Tunku Yusuf yang sedang bertugas di situ. Bonda Tunku berharap Tunku Yusuf akan dapat mendisiplin adindanya yang lincah itu.

Di Bangkok Tunku agak maju pelajarannya di Sekolah Debsurin. Di sana beliau banyak mendapat kawan baru, juga seorang sahabat karib bernama Thavil Guptarak. Tunku memang mudah berbaik-baik dengan semua kaum dan lapisan masyarakat. Malangnya, keluarga Tunku ditimpa tragedi. Tunku Yusuf berpulang ke rahmatullah pada tahun 1915 dan terpaksalah Tunku pulang ke Kedah. Selama setahun beliau belajar di sekolah Melayu, kemudian masuk ke Penang Free School.

Minatnya yang mula bercambah terhadap pelajaran kini dipupuk oleh beberapa orang guru yang handal. Tunku juga bermain bola sepak

The little prince was bright but more interested in games and boyish larks than in his studies. In 1913 when he was ten, his mother sent him to Bangkok to stay with his eldest brother, Tunku Yusuf, who was working there. She hoped Tunku Yusuf would be firm with his lively young brother.

In Bangkok Tunku did quite well in Debsurin School, where he made many friends. His particular pal was called Thavil Guptarak. Tunku never had problems getting along with people of various races and social backgrounds.

Soon, however tragedy struck. Tunku Yusuf passed away in 1915 and Tunku had to return to Kedah. He studied in a Malay school for a year and then joined the Penang Free School.

His budding interest in studies was nurtured by some excellent teachers. He also played football for the school. Football remained one of Tunku's favourite sports. Later he played for his college in Cambridge University. Much later he was Honorary President (for life) of the Football Association of Malaysia and President of the Football Federation of Asia.

When he was seventeen, Tunku left for England to continue his studies, on a Kedah Government Scholarship. There he sat for a University Entrance Examination after a period of coaching and was accepted into St. Catherine's College, Cambridge University.

That was when he had his first taste of racial discrimination. His application to stay in the college was rejected because of colour. Later, when it was learnt that he came from a royal family, he was offered a place,

‘To me, personally, apart from being our greatest leader, the Tunku is my closest confidante. I look upon the Tunku as my own father, and the object of my undivided love, friendship and loyalty. The Tunku is the source of inspiration that guides me through my work and responsibilities.

In carrying out his work of leading the nation, the Tunku is able to easily overcome thorny problems as problems of life, or as human problems.

This perspective enables the Tunku to solve problems in a practical way. The Tunku is able to handle the larger problems of society in a manner that is fair and satisfactory to all the parties concerned’

Tun Abdul Razak bin Hussein

Atas/Top:
Tunku di mesyuarat pertama dengan Kabinet pertama September, 1957
Tunku at the first meeting with his first Cabinet September, 1957

Bawah/Bottom:
Tunku (kanan) dengan Tunku Mohd. Jewa bersama ayahanda Sultan Abdul Hamid Halimshah
Tunku (right) and Tunku Mohd. Jewa with their father Sultan Abdul Hamid Halimshah

untuk sekolahnya. Bola sepak tetap menjadi sukan kegemaran Tunku. Kemudiannya beliau bermain untuk kolejnya di Universiti Cambridge. Beberapa lama selepas itu, beliau dilantik sebagai Presiden Kehormat (seumur hidup) Persatuan Bola Sepak Malaysia dan Presiden Persekutuan Bola Sepak Asia.

Ketika berusia tujuh belas tahun, Tunku bertolak ke England untuk melanjutkan pelajarannya, dengan biasiswa Kerajaan Negeri Kedah. Di England beliau mengambil Peperiksaan Kemasukan Universiti setelah diberi bimbingan ke arahnya; beliau diterima masuk ke Kolej St. Catherine, Universiti Cambridge.

Di sanalah Tunku pertama mengalami diskriminasi kaum. Permohonannya untuk tinggal di dalam kolej itu ditolak di sebabkan warna kulit. Kemudian, setelah diketahui beliau anak raja, beliau ditawarkan tempat tinggal di kolej itu, tetapi berdasarkan prinsip beliau telah menolak tawaran itu dan tinggal di bilik sewa sepanjang kursusnya.

Pengalaman ini mendalamkan lagi keyakinannya terhadap persamaan antara manusia sebagai ideal yang harus diperjuangkan. Juga, peristiwa itu menyalakan hasrat dalam jiwanya hendak membebaskan bangsanya daripada pemerintahan British.

Sungguhpun Tunku giat bergaul dan bergembira dengan hadai taulan yang ramai dan kegemaran yang beraneka ragam, namun beliau berjaya mendapat ijazah sarjana muda dalam undang-undang dan sejarah dari Universiti Cambridge pada tahun 1925.

but he declined on principle and stayed in rented rooms throughout his university course.

The experience deepened his faith in the equality of man as an ideal to be fought for. At the same time, it kindled a desire in him to free his people from British rule.

Despite a full social life with many friends and interests Tunku obtained a bachelor's degree in law and history from Cambridge University in 1925. In 1926 Tunku returned to Kedah. Four months later, his elder brother Tunku Ibrahim who was Raja Muda of Kedah at that time sent him back to England to continue his law studies at Inner Temple, with a view of qualifying to be a lawyer or a magistrate.

In England Tunku found that the number of Malay students had increased but they had no association or organisation of any sort. He showed initiative, leadership qualities and a nascent nationalism in the way he got them together to form "Kesatuan Melayu Great Britain" (The Malay Association of Great Britain). He was elected secretary of the association.

His heart was not in his law studies, however, and after five years he returned to Kedah without the legal qualification that his brother had wished him to add to his bachelor's degree from Cambridge University. He joined the Kedah Civil Service as a cadet in the Legal Advisor's Office, and then District Officer in several districts of Kedah.

Two years later, in 1933, Tunku married a Chinese girl who became a Muslim and took the name Meriam.

Atas/Top:
Tunku selepas lulus peperiksaan undang-undang di Inns of Court, 1947
Tunku after his graduation at Inns of Court, 1947

Tengah/Centre:
Tunku merasmikan pembukaan sebuah kilang, 1966
Tunku officiating at the opening of a factory, 1966

Bawah/Bottom:
Tunku di Buckingham Palace untuk mengadap Baginda Ratu Elizabeth II, 1968
Tunku at Buckingham Palace for an audience with Queen Elizabeth II, 1968

Pada tahun 1926 Tunku pulang ke Kedah. Empat bulan kemudian, kakandanya Tunku Ibrahim, Raja Muda Kedah ketika itu, menghantarnya semula ke England untuk melanjutkan pelajaran undang-undangnya di Inner Temple bagi membolehkan beliau mendapat kelayakan menjadi peguam atau majistret.

Di England Tunku mendapati pelajar Melayu semakin ramai tetapi tidak ada persatuan. Dengan daya usaha, sifat kepimpinan dan semangat kebangsaan yang mula berkobar-kobar, Tunku menggembeling tenaga mereka untuk menubuhkan Kesatuan Melayu Great Britain. Beliau dipilih menjadi Setiausaha persatuan itu.

Pelajaran undang-undang tidak mendapat tumpuan minat Tunku. Selepas lima tahun, Tunku kembali ke Kedah tanpa kelayakan undang-undang yang diharapkan oleh kekandanya sebagai tambahan kepada ijazah sarjana mudanya dari Universiti Cambridge. Tunku memasuki Perkhidmatan Awam Kedah sebagai Kadet di Pejabat Penasihat Undang-undang, Alor Setar. Kemudiannya beliau berkhidmat sebagai Penolong Pegawai Daerah, selepas itu Pegawai Daerah di beberapa daerah di Kedah.

Dua tahun kemudian, pada tahun 1933, Tunku berkahwin dengan seorang gadis Cina yang memeluk agama Islam dan mengambil nama Meriam. Mereka dikurnia dua orang anak, Tunku Khadijah dan Tunku Ahmad Nerang.

Tunku bersungguh-sungguh hendak meningkatkan kehidupan rakyat di daerah-daerah tempat beliau bertugas. Seringkali beliau bersuara lantang mengeritik keadaan hidup di situ. Beliau juga banyak mengambil

They had two children, Tunku Khadijah and Tunku Ahmad Nerang.

Tunku's anxiety to improve the lot of the people in the districts, his outspoken criticism of the conditions there and his propensity for initiating reforms made him unpopular with some British colonial officials.

In 1935, when Tunku was in charge of Kuala Nerang, he fought to improve health and medical conditions there, for the district was malaria-ridden. Tragically, his own wife died after contracting the disease. Even in his grief he went on striving to better the lot of the people.

Another attempt to complete his law studies in England was made in 1938, but when the Second World War broke out Tunku had to return to Kedah. He was appointed District Officer of Sungai Petani and later of Kulim.

Earlier Tunku had married Violet Coulson from England, but the union was short-lived. In 1939, he wed Sharifah Rodziah bt. Syed Alwi Barakbah. Theirs was a happy marriage that lasted to the end of Tunku's life.

In 1940 Tunku was appointed Deputy Director of Civil Defence, Southern Kedah. When the Japanese handed Kedah over to Thailand in 1941, Tunku was made Supervisor of Education, a post he held till the British took over Kedah and the rest of the country.

Determined to complete his law studies, Tunku joined the Inns of Court in England in 1947. He did get his legal qualification in 1949 and returned happily to Kedah. Characteristically, he often joked about the length of time he took to pass his law.

‘Beliau sangat baik hati dan arif dalam membuat pertimbangan untuk rakyat. Beliau selalunya memberi tumpuan kepada punca sesuatu masalah dan dapat menyelesaikannya. Saya amat mengasihi Almarhum. Tetapi, saya lebih mengingati almarhum sebagai seorang putera raja, gentleman dan periang menghadapi hidup’

Datuk Lee Kuan Yew
(Bekas Perdana Menteri Singapura)

Atas/Top:
Perundingan Baling 27-28 Disember, 1955
Baling Talks 27-28 December, 1955

Tengah/Centre:
Tunku merasmikan mesyuarat pertama Majlis Muhibbah Negara, Negeri Selangor, 1970
Tunku at the official opening of the first meeting of National Unity Council for Selangor, 1970

Bawah/Bottom:
Ahli-ahli Kabinet baru di Istana Negara, 1959
Members of the New Cabinet at Istana Negara, 1959

daya usaha membawa perubahan yang baik. Segala ini menyebabkan beliau tidak disenangi oleh beberapa orang pegawai kolonial British.

Pada tahun 1935, ketika Tunku bertugas di Kuala Nerang, beliau telah memperjuangkan agar keadaan kesihatan dan perubatan di situ diperbaiki, kerana daerah itu sarang malaria. Malangnya, isteri Tunku sendiri diserang penyakit itu dan kemudiannya meninggal dunia. Dalam kesedihan ditimpa tragedi pun Tunku meneruskan usahanya untuk membela nasib rakyat.

Sekali lagi Tunku menyambung pelajaran undang-undangnya di England, pada tahun 1938, tetapi apabila pecah Perang Dunia Kedua beliau terpaksa pulang ke Kedah. Beliau dilantik menjadi Pegawai Daerah Sungai Petani, kemudian Kulim.

Sebelum itu Tunku telah berkahwin dengan Violet Coulsan dari England, tetapi jodoh tidak panjang. Pada tahun 1939, Tunku beristerikan Sharifah Rodziah bt. Syed Alwi Barakbah. Perkahwinan mereka bahagia, kekal hingga akhir hayat Tunku.

Pada tahun 1940 Tunku dilantik menjadi Timbalan Pengarah Pertahanan Awam, Kedah Selatan. Apabila Jepun menyerahkan Kedah kepada negara Thai pada tahun 1941, Tunku dilantik menjadi Penyelia Pelajaran. Jawatan ini dipegangnya hingga British berkuasa semula di Kedah dan di seluruh negara.

Didorong oleh keazaman yang kuat Tunku ke England pada tahun 1947 untuk menghabiskan pelajarannya di Inns of Court.Beliau berjaya mendapat kelayakan undang-undang dan pulang ke Kedah dengan gembira. Tunku yang

Soon after his return to Kedah, Tunku was made Chairman of the United Malays National Organisation (UMNO), Kedah. In the past two years in England, mixing with students from various nations that had just gained independence or were fighting for it, Tunku had developed full political awareness.

Little did he dream that he would soon be given the responsibility of leading his country to independence. This happened when Dato' Onn bin Jaafar resigned from his post of UMNO President. A delegation asked Tunku to accept the leadership of the party. Tunku became President of UMNO on the 26th of August, 1951.

In the next few years Tunku worked towards unity, travelling all over the country to speak to the people. His simplicity and warmth won him the respect and affection of people from all communities and all walks of life.

At that point in history, Tunku was the right man to bring together the various ethnic groups, get them to understand one another's hopes and fears, and work with them to find solutions to the country's political problems, so that they could march as one nation towards independence.

His efforts and those of Chinese leaders, saw fruition in a political alliance of UMNO and the Malayan Chinese Association (MCA) in 1952; later was known as the Alliance party. The Malayan Indian Congress (MIC) joined the Alliance in 1955.

The people of Malaya, as the country was called then, were sufficiently united to push for self-government in their progress towards independence. In July 1955, the first general election was held. The Alliance won 51 out of the 52 seats contested. Tunku was appointed Chief Minister and Minister of Home Affairs.

'He was a good man, shrewd in his judgement of people. He always concentrated on the essentials in a problem and often got it right. But, most of all, I remember him as a prince, a gentlemen and a bon vivant who lived in his life to the fullest'

Datuk Lee Kuan Yew
(Former Prime Minister of Singapore)

Lawan Jam/Anti Clockwise:
Tunku di Upacara Pengisytiharan Kemerdekaan di Stadium Merdeka, 1957
Tunku at the Proclamation of Independence at Merdeka Stadium, 1957

Bangunan Parlimen
Parliament House

Tunku membaca Pengisytiharan Malaysia, 1963
Tunku reading the Proclamation of Malaysia, 1963

memang gemar melawak tentang dirinya sering berjenaka mengenai lamanya masa beliau belajar untuk lulus undang-undang.

Tidak lama selepas Tunku pulang ke Kedah, beliau dijadikan Pengerusi Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), Kedah. Dalam dua tahun beliau di England sebelum itu, beliau banyak bergaul dengan penuntut-penuntut dari negara-negara yang baru merdeka atau sedang berjuang untuk mencapai kemerdekaan. Kesedaran politik Tunku telah berkembang sepenuhnya.

Namun, tidak termimpi olehnya bahawa dalam sedikit masa lagi beliau akan diberi tanggungjawab memimpin negaranya mencapai kemerdekaan. Ini berlaku apabila Dato' Onn bin Jaafar meletakkan jawatannya sebagai Yang Di Pertua UMNO. Satu perwakilan meminta Tunku menerima tugas memimpin parti itu. Tunku menjadi Yang Di Pertua UMNO pada 26 Ogos, 1951.

Dalam beberapa tahun yang berikut Tunku berusaha ke arah perpaduan; beliau menjelajah ke serata negara untuk bertemu dengan rakyat. Sikap beliau yang sederhana dan ramah menyebabkan beliau dihormati dan dikasihi oleh semua kaum dan golongan masyarakat.

Pada saat itu dalam sejarah, Tunkulah orangnya yang dapat menyatukan pelbagai kaum, menjalin pengertian harap-cemas satu sama lain, dan berusaha bersama mereka mencari penyelesaian masalah-masalah politik negara, agar seluruh rakyat dapat mara sederap menuju kemerdekaan.

